



BERITA

Permainan Bahasa Melatih Murid Berfikir secara Kreatif

Oleh Nurul Jamilah Rosly

Kongsi



Untuk mendapatkan maklumat terkini, ikuti kami melalui **Telegram DBPMalaysia**


Langgan Sekarang



Pagoh – “Pendekatan permainan bahasa ini bukan sahaja melatih murid berfikir secara kreatif, malah membantu mereka memahami mesej penjagaan alam secara lebih mendalam. Apabila bahasa dan alam sekitar digabungkan, murid menjadi lebih dekat dengan konsep kelestarian,” ujar Encik Adam Shah Mohammed Shahnaz selaku pengarah program LestariExplorace di Sekolah Kebangsaan (SK) Kota Raja, semalam.

Kumpulan khidmat masyarakat *Usrah in Action* dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Pagoh dengan kerjasama SK Kota Raja telah berjaya menganjurkan program tersebut bagi memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan generasi muda.

IKLAN



Kongsi





Fasilitator ketika memperkenalkan permainan bahasa interaktif kepada murid SK Kota Raja.

Program tersebut telah disertai oleh murid tahun enam dengan pendedahan diberikan kepada mereka melalui ceramah yang berkaitan dengan menyayangi alam sekitar dalam usaha mencapai matlamat pembangunan lestari, iaitu ke arah menjamin kehidupan yang sihat serta pembelajaran sepanjang hayat.

Program yang dikendalikan sepenuhnya oleh sekumpulan fasilitator UIAM dengan memperkenalkan permainan bahasa interaktif bagi merangsang pemikiran murid termasuklah aktiviti eksplorasi, teka kata, susun frasa, kata kunci serta pelbagai aktiviti bahasa berkonsepkan penjagaan alam sekitar. Permainan bahasa ini dirancang bagi memperkukuh kemahiran literasi murid serta menanamkan kefahaman yang mendalam terhadap amalan lestari dalam kehidupan seharian.

Sementara itu, Guru Besar SK Kota Raja, Puan Norhaimi Said turut menyampaikan ucapan penghargaan terhadap penganjuran program tersebut yang dilihat dapat menerapkan unsur pembelajaran aktif, menyeronokkan dan selari dengan pembentukan sahsiah murid.

Tegas beliau,

IKLAN

Melalui usaha berterusan ini diharapkan agar lebih banyak institusi pendidikan dapat memanfaatkan permainan bahasa sebagai medium pendidikan alam sekitar yang berkesan dan menyeluruh.”

Program selama setengah hari itu diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada kumpulan terbaik serta sesi refleksi bersama fasilitator bagi memperkukuh kefahaman murid tentang peranan mereka sebagai generasi penjaga bumi.

Hak cipta terpelihara © JendelaDBP. Sebarang salinan tanpa kebenaran daripada Pengarah Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan dikenakan tindakan undang-undang.

Buletin JendelaDBP

Inginkan berita dan artikel popular harian terus ke e-mel anda?

E-mel

Langgan

Yang Berkaitan

BERITA



Hotel Wyndham Acmar Klang Raikan Program DMK 2025

30 November 2025, 11:33

BERITA



Program Jom Kenali Bahasa di Dunia Semarakkan Pendedahan Linguistik Muri...

28 November 2025, 14:23



Pertandingan Pidato Piala Gabenor 2025 Angkat Martabat Bahasa Kebangsaan

27 November 2025, 18:00

BERITA



“Kita Bertuah Menjadi Orang Melayu” – Encik Zafilin bin Abdul Hamid

14 November 2025, 23:52



Perkembangan Teknologi dan Bahasa Melayu Harus Bergerak Seiring – Nik...

18 November 2025, 22:58

BERITA



Syarahan Raja Ali Haji Wadah Penting bagi Memperingati Tokoh Besar Dunia Melayu...

14 November 2025, 15:32

PORTAL E-MAJALAH

Dewan Bahasa
Dewan Sastera
Dewan Masyarakat
Dewan Budaya
Dewan Ekonomi
Dewan Kosmik
Dewan Tamadun Islam
Tunas Cipta

PAUTAN PENTING

Laman Web DBP
PRPM
Klik Web
Akademi DBP
eJurnal DBP
Khidmat Nasihat DBP
Dewan Bahasa

Kongsi



📷

Instagram

🐦

Twitter

📺

YouTube

🎵

TikTok

📠

Telegram

DBPNIAGA

📖

DBPNiaga

📘

Facebook DBPNiaga

📷

Instagram DBPNiaga

🎵

TikTok DBPNiaga

HUBUNGI KAMI

Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

📞

03-2147 9000, 03-2147 9378

✉

jendeladbp@dbp.gov.my

❓

[Aduan](#)

📊 Statistik Capaian

Tahun 2025: 6,819,173

Bulan Disember: 53,634

Hari ini: 3,013

Hak Cipta 2025 © JendelaDBP